

PM beri penghargaan kejayaan bendung wabak

BH - 8/6/2020 m/s: 3

Kuala Lumpur: "Kejayaan dikecapi ini adalah kejayaan semua."

Itu kata Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam berhubung kejayaan negara membendung wabak COVID-19 yang membolehkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan bermula Rabu ini.

Beliau memberikan penghargaan itu kepada petugas barisan hadapan dan mereka yang menyumbang kepada kejayaan membendung wabak COVID-19 di negara ini.

Malaysia berjaya membendung penularan COVID-19 dengan berkesan dan kini memasuki fasa pemulihan.

"Anda (rakyat) memberi kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa dengan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan," katanya pada perutusan khas yang disiarkan secara langsung, semalam.

Beliau berkata, sejak PKP di-

laksanakan hampir tiga bulan lalu, kerajaan melaksanakan pelbagai strategi dan langkah yang wajar dalam menangani dan membendung wabak COVID-19.

"Ia membabitkan banyak kawalan dan sekatan yang dikenakan. Itu tak boleh, ini tak boleh dan sebagainya," katanya berseloroh.

Namun, katanya, kerajaan tidak boleh mengawal kehidupan rakyat selama-lamanya untuk menghindari jangkitan wabak.

"Saya tahu saudara-saudari juga mahu menjalani kehidupan seperti biasa. Saudara-saudari ingin

keluar bekerja, berniaga, beriadah, melancong bersama keluarga dan melakukan aktiviti-aktiviti lain dalam kehidupan seharian," katanya.

Justeru, katanya, tiba masanya kerajaan memberikan lebih banyak kelonggaran kepada rakyat menerusi PKPP dengan syarat rakyat sendiri mengambil tanggungjawab secara serius untuk mengamalkan kebiasaan baharu kehidupan dan mematuhi semua SOP ditetapkan oleh kerajaan.

Serentak itu, katanya, tanggungjawab membendung CO-

VID-19 kini berada di bahu rakyat dengan mengamalkan kebiasaan baharu, termasuk dalam kalangan ketua kampung, ketua komuniti dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Tidak kurang pentingnya ialah peranan majikan. Majikan juga mesti memastikan pekerja mematuhi SOP di tempat kerja," katanya.

Beliau percaya jika rakyat kekal berdisiplin, penularan wabak itu dapat dikawal di negara ini apabila memasuki fasa normalisasi pada 31 Ogos ini dan sehingga vaksin ditemui.